



26 AUG, 2025

DIARAH PINDAH 2 SEPTEMBER

Harian Metro, Malaysia



DIARAH PINDAH 2 SEPTEMBER

Lebih 200 penduduk Kampung Tropicana diminta kosongkan tanah selepas digazet sebagai Hutan Simpan Sungai Buloh

Oleh Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Selangor Jaya

Selepas hampir enam dekad menetap dan bercucuk tanam di Kampung Tropicana, di sini, lebih 200 penduduk kini berdepan masa depan tidak menentu apabila diarahkan mengosongkan kawasan itu selewat-selewatnya 2 September ini.

Mereka diarahkan mengosongkan rumah dan tanah diduduki sejak 1960-an itu selepas Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) mengeluarkan notis pengosongan tanah yang digazetkan sebagai Hutan Simpan Sungai Buloh.

Penduduk mendakwa sejak 1960-an, kawasan itu pada asalnya ladang tebu dan lokasi ternakan sebelum dibangunkan sebagai penempatan dengan kebenaran lisan dan permit tanam pinak berkuasa, malah penempatan berkenaan lengkap dengan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik.

Rata-rata mereka menyuarakan kebimbangan mengenai tindakan merobohkan penempatan itu tanpa rancangan pemindahan akan menjejaskan kehidupan ratusan penduduk termasuk warga emas, kanak-kanak dan keluarga berpendapatan rendah.

Bagi G Karinasamy, 77, yang juga bekas ketua kampung itu, tanah berkenaan bukan sekadar tempat berteduh, malah sumber rezeki yang membesarkan anak dan cucunya sejak mendiang bapanya mula menetap di situ pada 1967.

Katanya, dia mengesahkan tanaman seperti tebu, pisang, kelapa, mangga dan serai manakala adiknya menernak kambing dan lembu.

"Kami bukan penceroboh, dulu JPNS sendiri keluaran use permit untuk tanam sayur, tebu, kelapa dan pokok buah. Setiap kali tempoh permit tamat, kami perbaharui. Ada tahun mereka beri dua tahun sekali, ada tiga tahun," katanya.

"Kami tahu kawasan ini hutan simpan, tetapi kami dibenarkan bercucuk tanam asalkan tidak tanam pokok tinggi di bawah pencawang Tenaga Nasional Berhad."

"Tetapi, sejak 2008, mereka tidak sambung lagi dan masa itu kerajaan negeri bertukar. Jadi, kami masih duduk sebab memang dari dulu di sini, tetapi sekarang tiba-tiba disuruh keluar," katanya ketika ditemui Harian Metro, baru-baru ini.

Menurutnya, arahan pengoso-

"Dulu JPNS sendiri keluaran 'use permit' untuk tanam sayur, tebu, kelapa dan pokok buah. Setiap kali tempoh permit tamat, kami perbaharui. Ada tahun mereka beri dua tahun sekali, ada tiga tahun. Kami tahu kawasan ini hutan simpan, tetapi kami dibenarkan bercucuk tanam asalkan tidak tanam pokok tinggi di bawah pencawang Tenaga Nasional Berhad"

Karinasamy

ngan itu bagaikan merampas sumber rezeki yang dinikmati mereka sekehuarga sejak hampir enam dekad lalu.

"Saya tidak tahu hendak pergi mana, mungkin terpaksa berpindah ke flat di Ara Damansara, tetapi kalau betul kerajaan hendak ambil semula tempat ini, sekurang-kurangnya beri kami tanah lain sebagai ganti."

"Kami sudah tua, malah akur jika tanah ini mahu diambil, tetapi beri ihsan sekurang-kurangnya setengah atau seekor tanah untuk bercucuk tanam. Jangan biarkan kami hilang tempat tinggal dan sumber rezeki kerana kami perlu makan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Mohd Fauzi Ishak, 64, yang tinggal bersama isteri, anak, menantu dan cucu berkata, keluarganya sudah tiga generasi menetap di situ dan

tidak pernah menceroboh tanah orang.

"Kami ada surat kebenaran dan permit tanam sejak 2005, malah ada yang lahir dan membesar di sini. Dakwaan kami penceroboh atau warga asing sangat tidak wajar," katanya.

"Saya bela kambing, ayam dan itik selain tanam durian, kelapa, petai dan pelbagai pokok buah. Kalau kena keluar, semua ini musnah," katanya.

Menurutnya, mereka berharap kerajaan menangguhkan pengusiran dan mempertimbangkan tanah lain sebagai ganti berikutan kos sara hidup di bandar terlalu tinggi.

"Memang betul permit asal benarkan bercucuk tanam saja, tetapi saya buat rumah ini saya mengaku salah. Tetapi, beri kami tanah ganti supaya kami boleh terus bertani dan menernak."

"Kalau boleh, saya juga minta tanaman yang kami usahakan ini jangan dimusnahkan sebaliknya didekalkan sesuai dengan objektif JPNS," katanya.

Jirannya, Zulkifli Isa, 67, yang tinggal di kampung itu sejak 15 tahun lalu mengakui buntu memikirkan masa depan dan hala tuju selepas menerima notis berkenaan awal bulan ini.

"Saya tinggal bersama anak yang juga berkeluarga di rumah ini. Kalau kena keluar, kami tak ada tempat berteduh."

"Wakil rakyat ada kata kerajaan sedia beri bantuan sewa rumah enam bulan, tetapi selepas itu kami kena cari sendiri."

"Harapan saya sama seperti penduduk lain, kalau boleh kerajaan berikan tanah sebagai ganti untuk membina rumah dan meneruskan kehidupan," katanya yang berniaga nasi kukus.



PENDUDUK mendakwa mereka memiliki surat kebenaran dan permit tanam sejak 2005.



ANTARA tanaman yang ditanam penduduk Kampung Tropicana.



NOTIS pengosongan premis (dalam bulatan) yang sudah dikeluarkan.



PENEDIHATAN haram Kampung Tropicana bermula apabila kawasan hutan simpan di bawah laluan rentas TNB mula diduduki setinggan.